

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
(INDERA MAHKOTA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.05.2016

Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) kini sama ada ianya masih 'viable' atau sebaliknya. Nyatakan langkah-langkah yang akan diambil agar prestasi dan imej MAS dapat dikembalikan seperti masa silam di mana ianya antara syarikat penerbangan yang tersohor di rantau ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak beroperasi mulai 1 September 2015, Malaysia Airlines Bhd (MAB) telah mencatatkan kemajuan yang positif selaras dengan hasrat Pelan Pemulihan MAS

(PPM) dan MAB akan terus memberi tumpuan kepada inisiatif-inisiatif untuk memulihkan syarikat. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan bagi mengurangkan kos operasi syarikat adalah menghentikan laluan yang tidak menguntungkan serta mengadakan kerjasama strategik dengan Emirates Airlines melalui perkongsian kod. Perkongsian ini akan menyediakan akses kepada rangkaian laluan Emirates Airlines yang lebih luas merangkumi 30 buah negara termasuk di benua Amerika Utara dan Selatan serta Afrika.

Selain itu, MAB berjaya mencatatkan prestasi "*on time performance*" (OTP), iaitu ketepatan waktu pelepasan dan ketibaan pesawat pada kadar 95% bagi kesemua penerbangan yang melibatkan operasi domestik sepenuhnya. MAB juga akan membuat pembaharuan dengan menawarkan tempat duduk yang mendatar sepenuhnya (*fully lie-flat seats*) bagi Kelas Perniagaan untuk pesawat A330-300. Kesemua 15 pesawat jenis ini akan mula dilengkapi konfigurasi baru dan dijangka lengkap sepenuhnya pada bulan Ogos 2016.

Berdasarkan perkembangan dan pencapaian positif di bawah PPM, MAB diyakini akan terus berdaya maju untuk bersaing dengan syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa lain. Dengan

komitmen dan fokus ke atas pelaksanaan pelbagai strategi dan inisiatif yang telah dikenalpasti dan dilaksanakan secara berperingkat di bawah PPM, MAB akan dapat mengembalikan imej positif melalui peningkatan prestasi perkhidmatan yang berterusan.